



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH		
TARIKH	:	27/8/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	: 19
JABATAN	:	JMG		

Fenomena kepala air, banjir lumpur

47 kesan tanah runtuh di barat Gunung Jerai

Jabatan Mineral dan Geosains kaji lokasi, kumpul data pemetaan

Oleh M Hifzuddin Ikhsan dan Noorazura Abdul Rahman bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) mengesan 47 kesan runtuh tanah terutama di bahagian barat Gunung Jerai, yang menjadi antara punca berlaku bencana minggu lalu.

Kebanyakan runtuh itu dikesan pada lereng gunung berhampiran Titi Hayun dan Batu Hampar, yang menyebabkan berlaku aliran lumpur serta puing di kawasan penempatan di kaki gunung.

Pengarah JMG Kedah/Perlis/Pulau Pinang, Abdullah Sulaiman, berkata kesan runtuh berskala kecil dan besar itu dikesan Pasukan Task Force Bencana Geologi, yang melakukan pemantauan melalui udara dan siasatan di lokasi kejadian sejak 19 Ogos lalu.

"Sehingga petang semalam (kelmarin), pasukan penyiasat JMG mengesan 47 kesan runtuh iaitu 25 di Titi Hayun, Batu Hampar (10), laluan naik Gunung Jerai (10) serta masing-masing satu di Tanjung Jaga dan Lembah Bujang.

"Runtuh yang dikesan, termasuk bersaiz kecil dengan ke-

lebaran antara dua meter dan lima meter, manakala bersaiz besar dengan kelebaran antara 10 meter hingga 50 meter. Kebanyakannya dikesan di Titi Hayun dan Batu Hampar.

"Kawasan lereng gunung di Titi Hayun dan Batu Hampar masih dianggap berisiko untuk berlaku runtuh susulan," katanya pada sidang media di Pejabat JMG Kedah/Perlis/Pulau Pinang, di sini, semalam.

Dalam kejadian 18 Ogos lalu, berlaku fenomena kepala air dan banjir lumpur sekitar Yan, Gurun dan Merbok, yang menjejaskan kira-kira 1,000 keluarga, selain merosakkan banyak infrastruktur serta kemudahan, dengan kerugian dianggarkan berjumlah RM75 juta.

Abdullah berkata, kajian mendapati kebanyakan runtuh berlaku dalam kawasan formasi Jerai, dengan batuan jenis syis dan kuartzit yang mengalami proses luluhawa, kesan hujan serta berada pada kedudukan cerun antara 70 darjah dan 80 darjah.

"Kita juga selesai melakukan proses pemetaan di setiap lokasi runtuh, namun proses pengumpulan data masih dilakukan bagi kawasan runtuh di Tupah, yang memerlukan bantuan dron Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)," katanya.

Sementara itu, Menteri Besar, Muhammad Sanusi Md Nor, berkata kerugian susulan insiden kepala air Gunung Jerai melanda daerah Yan dan Kuala Muda minggu lalu, dianggarkan mencecah



Abdullah menunjukkan peta lokasi 47 kesan runtuh yang dikesan berlaku di Gunung Jerai pada sidang media di Alor Setar, semalam.



Antara kesan runtuh di puncak Batu Hampar.

RM75 juta.

"Sebanyak 1,732 rumah terkesan dengan kejadian yang disifatkan terburuk dalam sejarah, selain 124 premis perniagaan dan 14 pengusaha inap desa turut terjejas.

"Angka kerugian mencecah RM75 juta dan itu hanya berdasarkan taksiran awal. Justeru, kita berterima kasih dan menghargai peruntukan RM78 juta yang diluluskan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ketika melawat lokasi kejadian Isnin lalu," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Muhammad Sanusi berkata, kerajaan negeri juga sudah menggerakkan pelbagai agensi

termasuk kakitangan dan jentera pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi membantu membaiki pulih dan membersihkan kawasan terjejas.

Katanya, kerja membaiki kerosakan premis dan infrastruktur sedang dijalankan agensi kerajaan negeri dan Persekutuan dan akan menyaerkan segala bentuk bantuan selepas proses taksiran selesai.

"Sebaik mendapat kepastian, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) akan menyerahkan wang seperti dijanjikan. Kita akan cuba melakukannya secepat mungkin dengan semua pihak sedang bekerja keras ke arah itu," katanya.

